

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. MAKIN @
MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 5 APRIL 2017

SOALAN :

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

(a) apakah pihak Kerajaan sedia untuk meminda Perlembagaan Persekutuan Malaysia Akta 153 bagi membolehkan Orang Asli menikmati status dan hak yang sama dengan Orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak; dan

(b) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan atas dakwaan sesetengah pihak bahawa Orang Asli telah dizalimi dan dipinggirkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pembentangan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 [Akta A30] di Dewan Rakyat pada 23 Februari 1971, YAB Perdana Menteri pada ketika itu menyatakan seperti yang berikut:

"Tuan Speaker,

...

Tujuan asas bagi Article 153 itu ia-lah untok memberi kesempatan kepada orang2 Melayu maju dengan lebeh pesat supaya dapat pada satu masa kelak mereka bertanding dengan orang-orang bukan Melayu dengan mempunyai syarat-syarat kelayakan dan kebolehan yang sama, kerana pada masa ini ada-lah di-akui bahawa orang2 Melayu belum menchapai kemajuan yang sama pesat dengan orang2 yang bukan Melayu. Hakikat yang sama saperti ini terdapat juga di-kalangan bumiputera Negeri-negeri Malaysia Timor. ..."

...

Keistimewaan-keistimewaan yang boleh di-beri oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Article 153 kepada bumiputera Sabah dan Sarawak ia-lah mengenai dengan perkara-perkara Federal sahaja, ia-itu perkara yang di-bawah kekuasaan Kerajaan Pusat. Pindaan-pindaan ini tidak-lah sekali-kali akan menchachatkan kuasa-kuasa Negeri untok memberi keistimewaan-keistimewaan kepada

bumiputera2 di-dalam kedua-dua buah Negeri yang tersebut dalam perkara2 yang terletak di-dalam ke-kuasaan Negeri itu. Dengan pindaan-pindaan ini, maka jelas-lah bahawa bumiputera Sabah dan Sarawak ada-lah di-letak kepada satu kedu-dokan yang sama dengan orang-orang Melayu dalam Negeri-negeri di-Malaysia Barat.”

Berdasarkan ucapan YAB Perdana Menteri dalam perenggan 1, jelas bahawa Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk memberikan perlindungan dan keistimewaan kepada orang Melayu dan anak negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

Walaupun orang asli tidak tergolong di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, namun Kerajaan bertanggungjawab juga untuk melindungi kepentingan yang sah kaum-kaum lain mengikut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan termasuklah orang asli. Selain itu, perlindungan kepada orang asli juga telah diperuntukkan di bawah Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Perlindungan kepada orang asli yang diperuntukkan di bawah Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan telahpun dilaksanakan melalui pelbagai cara antaranya dengan pengubalan Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*] yang mewujudkan kawasan orang asli ("*aboriginal area*") dan rizab orang asli ("*aboriginal reserve*").

Hak kepada tanah yang berpihak kepada orang asli pula telah diputuskan dalam beberapa kes Mahkamah seperti penghakiman dalam kes ***Sagong Tasi & Ors. v. Kerajaan Negeri Selangor & Ors. [2002] 2 CLJ 543*** yang

menyatakan bahawa *"it is manifestly clear that under art. 8(5)(c) of the Constitution and the Act the plaintiffs have the right to be protected and the right to well-being and advancement, in particular to land use."*

Sekian, terima kasih.